


FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

ZARINA BTE OTHMAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 92



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG.

oleh

ZARINA BTE OTHMAN

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyelia

30 Mac. 1992

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

30 Mac 1992

Tarikh

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

OLEH

ZARINA BTE OTHMAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANAMUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1992

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

31 Mac. 1992.

Tarikh



ZARINA BTE OTHMAN

(Tandatangan dan Nama Calun)

PENGHARGAAN

Syukur saya ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayatnya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Di ruang ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Drs. Lokman Md. Zen selaku Penyelia yang telah banyak membimbing dan menunjuk ajar dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Tuan Hj Muhammad Tainu, Pengarah Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Datuk Johan Razali Khalid kerana telah banyak membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada keluarga dan suami saya Encik Zainal Abidin Ramli yang banyak berkorban dan membantu hingga Latihan Ilmiah ini selesai dan tidak lupa juga kepada Encik Md Noor Dame yang telah menaip Latihan Ilmiah ini dengan sabar hingga sempurna.

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA

SINOPSIS

Kajian ini adalah meliputi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Bab I merupakan pengenalan dalam sistem Adat Perpatih yang meliputi kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Di samping menerangkan hubungan antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan serta asal-usul Adat Perpatih. Di dalam Bab II diterangkan tentang dasar pemerintahan Adat Perpatih yang diamalkan di empat buah luak. Juga menerangkan organisasi Lembaga Adat Perpatih serta menunjukkan sifat-sifat yang perlu ada pada pemimpin-pemimpin adat. Bab III khusus menerangkan Sistem Undang di Luak Sungai Ujong. Ini termasuk cara pemilihan dan perlantikan Undang, bagaimana gelaran Datuk Kelana Putera itu didapati dan menerangkan fungsi serta ketetapan Undang pada masa dahulu dan masa kini. Bab IV pula lebih menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem perundangan dan maksud serta tujuan diadakan Undang-undang Adat di Sungai Ujong. Manalaka Bab V menerangkan mengapa dan bagaimana krisis pemilihan dan pelantikan Undang Luak Sungai Ujong itu berlaku, sehingga sukar untuk menyelesaikan dan sukar untuk memilih bakal-bakal calon Undang Luak Sungai Ujong. Di samping itu penulis juga ada melahirkan beberapa cadangan yang mungkin boleh dibuat panduan untuk generasi-generasi akan datang. Akhir sekali merupakan kesimpulan tentang kekecuaan dalam pemilihan dan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi

PENDAHULUAN

0.1	LATAR BELAKANG	ix
0.2	MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN	xiii
0.3	KEGUNAAN KAJIAN	xiii
0.4	METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN	xiv
0.5	SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA	xv
0.6	LOKASI KAJIAN	xv

BAB I : PENGENALAN ADAT PERPATIH

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	BAHAGIAN-BAHAGIAN ADAT DI MINANGKABAU	4
1.1.1	Adat Nan Sabana Adat	5
1.1.2	Adat Nan Diadakan	6
1.1.3	Adat Nan Teradat	7
1.1.4	Adat Istiadat	8
1.2	ASAL-USUL ADAT MINANGKABAU	9

1.3	HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN ...	12
1.4	ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN	18
1.5	SISTEM HUKUM ADAT PERPATIH	23
1.6	SISTEM KEKELUARGAAN ADAT PERPATIH	31
1.6.1	Keluarga Sedarah Senisab Ibu	32
1.6.2	Keluarga Sekedim	34
1.6.3	Keluarga Sedarah Sebelah Bapa	36
1.6.4	Keluarga Semenda	36
 BAB II : SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH		
2.1	DASAR PEMERINTAHAN ADAT	40
2.2	STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA ADAT PERPATIH	42
2.2.1	Luak Sungai Ujong	43
2.2.2	Luak Jelebu	47
2.2.3	Luak Rembau	50
2.2.4	Luak Johol	51
2.3	PEMILIHAN PEMIMPIN/UNDANG	53
2.4	TUGAS-TUGAS PEMIMPIN	59
2.5	SIFAT-SIFAT PEMIMPIN	61
2.5.1	Ekonomi	62
2.5.2	Kesihatan Badan	62
2.5.3	Budi	63
2.5.4	Akal	65
2.6	JENIS-JENIS PEMIMPIN	66
 BAB III : UNDANG SUNGAI UJONG		
3.1	SEJARAH UNDANG SUNGAI UJONG	70
3.2	GELARAN DATUK KLANA PUTERA	72

3.3	WARIS UNDANG SUNGAI UJONG	74
3.4	CARA LUAK SUNGAI UJONG MEMILIH DATUK KLANA	80
3.5	FUNGSI DAN KETETAPAN UNDANG	82
3.6	FUNGSI UNDANG MASAKINI	89
 BAB IV : PERUBAHAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG		
4.1	MAKSUD DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG	93
4.2	FAKTOR PERUBAHAN UNDANG-UNDANG ADAT DI SUNGAI UJONG	102
4.2.1	Politik	103
4.2.1	Ekonomi	105
4.2.3	Pendidikan	106
4.3	PEGANGAN UNDANG MENURUT ADAT	107
 BAB V : PENUTUP		
5.1	KRISIS PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN UNDANG SUNGAI UJONG	117
5.2	CADANGAN	124
5.3	KESIMPULAN	130
GLOSARI		133
BIBLIOGRAFI		134

PENDAHULUAN

0.1 LATARBELAKANG

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, Adat itu adalah peraturan hidup di dalam dunia. Seperti kata perbilangan,

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah

Tujuan Adat ialah untuk kebaikan. Adat dapat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Menurut Hazairin,

"Adat adalah renapan kesusilaan dalam masyarakat"

(Abdullah Sidik, 1975)

Peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang dibahagikan kepada dua:

1. Fundamental
2. Tidak Fundamental

Fundamental sifatnya ialah yang boleh diubah-ubah mengikut keadaan, seperti yang terkandung di dalam perbilangan Adat,

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai

Yang buruk dibuang

Kalau singkat minta disambung

Kalau panjang minta dikerat

Kalau koyak minta ditampal

Ibu Adat muafakat.

Manakala yang tidak fundamental pula ialah sesuatu yang kekal serta tidak boleh berubah yakni peraturan hidup yang bersandarkan Syara'. Kata perbilangan,

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Syara'

Syara' mengata Adat menurut

(Ab. Samad Idris, 1987 : 2)

Sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan memang tidak berbeza dengan sistem sosial di tanah Minangkabau, berhubung dengan nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu serta susunlapis pemerintahan.

Ditinjau dari segi keturunan atau segi kekeluargaan, masyarakat Adat Perpatih memakai sistem kekeluargaan yang utiliteral atau unilineal dan yang matrilineal. Dengan dasar masyarakat utiliteral-matrilineal maka timbullah sistem bersuku. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku dalam masyarakat Adat Perpatih ini, suku-suku ini ialah,

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Tanah Datar
4. Suku Tiga Batu

5. Suku Sri Lemak
6. Suku Sri Melenggang
7. Suku Paya Kumbuh
8. Suku Mungkal
9. Suku Batu Belang
10. Suku Tiga Nenek
11. Suku Anak Aceh
12. Suku Anak Melaka

Menurut Prof. M.A. Hanafiah mengenai pengertian suku di Minangkabau seperti berikut:

"Kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anak, anak-anak itu namanya seibu dalam bahasa daerah satuande atau semandai. Yang mengepalai unit ini bukan bapak dari anak-anak, melainkan saudara lelaki dari siibu umumnya yang tertua. Anak daripada saudara perempuan itu adalah kemanakannya dan oleh anak itu dipanggil mamak".

Sistem politik Adat Perpatih juga teguh dengan amalan demokrasi yang teratur. Pemerintahan yang pertama sekali terletak dalam tangan mamak, kemudian ketua perut (buapak), kemudian ketua suku (lembaga), kemudian ketua luak (Undang) dan ahkir sekali ketua negeri (Yang Di Pertuan Negeri).

Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik

oleh Lembaga, Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang. Ini ada dicatat di dalam perbilangan adat:

Raja menobat dalam alamnya

Undang menobat dalam luaknya

Lembaga menobat dalam lingkungannya

Buapak menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat dalam terataknya

Jadi sistem pemerintahan menurut konsep am Adat Perpatih adalah sistem demokrasi. Menurut R.J Wilkinson mengenai Adat Perpatih sebagai satu adat yang demokrasi seperti berikut:

"The Adat Perpatih is democratic, it addresses itself to the commons and finds expression in quaint saying that seem to belong to the homely province of proverbial philosophy"

(R. J Wilkinson, 1908 : Hal. 7)

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang Di Pertuan Besar biasanya dikenali sebagai Yam Tuan. Dalam perbilangan adat, Baginda disifatkan sebagai keadilan menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesaian dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah adat. Peranan ini jarang sekali Baginda ialah sebagai lambang kesatuan dan persekutuan di Negeri Sembilan. Baginda dipilih dan dilantik dari kerabat diraja.

Diantara luak-luak yang terdapat di Negeri Sembilan ada empat luak yang dianggap utama iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelevu, Luak Johol dan Luak Rembau. Ketua bagi tiap-tiap luak ini digelar Undang. Di dalam tiap-tiap Luak ini ada satu suku yang diberi keistimewaan mencalonkan Undang atau penghulu daripada anggotanya. Umumnya suku istimewa ini ialah suku Biduanda. Ketua suku ialah lembaga segala hal ehwal suku adalah dalam lingkungan jagaannya.

0.2 MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN

Adapun maksud dan tujuan kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui amalan Adat Perpatih ini dengan lebih mendalam lagi.
2. Untuk mengetahui apakah amalan fungsi Undang ini masih diamalkan hingga sekarang.
3. Untuk mengetahui sejauhmana fungsi Undang ini difahami oleh masyarakat Adat Perpatih.

0.3 KEGUNAAN KAJIAN

Bermula dengan maksud dan tujuan kajian, maka kegunaan kajian ini adalah:

1. Untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat dengan Adat Perpatih. Ini dapat membantu dan memberi panduan kepada generasi baru.

2. Untuk mendapatkan fungsi sebenar pemimpin-pemimpin adat agar nanti boleh dijadikan rujukkan.
3. Untuk menerangkan kepada masyarakat luar tentang kekeliruan dan anggapan-anggapan mereka yang tidak menyenangkan terhadap Adat Perpatih ini.

0.4 METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN

Di sini method kajian dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. Melalui temubual (wawancara)
2. Melalui pemerhatian
3. Melalui pembacaan

Wawancara dibuat dengan individu yang terlibat secara langsung di dalam struktur adat, iaitu berhubung langsung dengan dato'-dato' adat. Di samping itu menemubual beberapa orang yang tahu selok belok Adat ini.

Melalui pembacaan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan dan pembacaan berkisar dari majalah yang berbentuk budaya.

0.5 SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA

Sumber data dan pengumpulan data didapati:

I. Perpustakaan

1. Perpustakaan Tun Sri Lanang, U.K.M
2. Perpustakaan Institut Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, U.K.M
3. Perpustakaan Yayasan Negeri Sembilan, Seremban
4. Perpustakaan Awam Hulu Langat, Kajang

II. Maklumat dari Bahagian Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan

0.6 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dibuat khusus di dalam Luak Sungai Ujong disamping Luak-luak lain secara am.

Melihat contoh pada yang lampau
Melihat tuah pada yang menang
Usang-usang diperbaharui

Yang lapuk disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang

Yang senteng dilabuhkan
Yang panjang dikerat
Yang rumpang disisit
Ibu adat ialah muafakat
Tak ada keruh yang tak jernih
Tak ada kusut yang tak selesai
Asal saja bersetuju
Jumpa benar jangan disiaahkan

BAB II

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH

2.1 DASAR PEMERINTAHAN ADAT

Negeri Sembilan merupakan suatu persekutuan sembilan buah negeri-negeri. Walaupun negeri-negeri itu telah sepakat untuk mewujudkan sebuah kerajaan tetapi setiap negeri tetap mengekalkan otonominya.

Kerajaan pusat pada dasarnya dilambangkan oleh Yang Di Pertuan Besar dan hanya mempunyai fungsi untuk memelihara perpaduan Negeri Sembilan. Adanya Yang Di Pertuan Besar juga adalah kerana tabatan undang-undang kerajaan seperti dalam perbilangan Melayu, Raja datang Raja menanti tiap-tiap negeri dengan dengan kerajaan iaitu,

Adat berjunjung naik

Bertangga turun

(Teromba Sungai Ujong)

Yang Di Pertuan Besar juga wujud sebagai lambang keadilan. Maka ditetapkan bahawa,

.... Raja itu tiada bernegeri dan tiada boleh mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja serta pemakanannya duit sesuku, beras dua gantang, nyior setali.

(Khoo Kay Kim, 1974 : 4)

Mengikut pemerintahan adat, Raja itu tiada bernegeri adalah kerana beliau tidak mempunyai kuasa ke atas mana-mana juga Luak di dalam Negeri Sembilan kecuali dalam lingkungannya sahaja, iaitu Seri Menanti yang di khaskan baginya.

Di bawah Yang Di Pertuan Besar ialah Undang. Undang merupakan raja di dalam Luak. Terdapat empat Luak yang mempunyai Undangnya sendiri, iaitu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol. Undang inilah yang diberi kuasa untuk melantik Yang Di Pertuan Besar. Oleh sebab itu mereka juga dikenali sebagai Penghulu Berlantik (diterangkan lebih lanjut dalam Bab 3).

Manakala di bawah Undang pula ialah Lembaga. Lembaga ialah ketua suku. Buapak ialah ketua bagi perut-perut di dalam suku yang akan melantik Lembaga. Mengikut adat, Lembaga bertanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keharmonian hidup sukunya. Lembaga boleh melantik Undang dan juga menjatuhkan Undang. Lembaga merupakan ketua di dalam sukunya yang mewakili suku di dalam perundingan dengan Undang.

Selepas Lembaga ialah Buapak. Buapak merupakan ketua perut. Buapak bertanggungjawab menjaga hal ehwal keluarga. Peranannya adalah sebagai ibu dan bapa kepada anak buahnya. Tiap-tiap perut ada buapaknya. Seorang Buapak dipilih dengan kebulatan muafakat dari anggota-anggota perutnya yang tua. Pemilihan mestilah disahkan oleh Lembaga. Pada keseluruhan nya dasar pemerintahan adat perpatih dapat dijelaskan begini:

Rantau nan beraja

Luak nan berpenghulu

Suku bertua (berlembaga)

Anak buah berbuapak.

2.2 STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA ADAT PERPATIH

Adapun petua Adat Perpatih adalah pada Pangkat di dalam negerinya:

Perempuan	_____	Saka
Bapa	_____	Baka
Pangkat	_____	Pesaka

Di sini anak yang mempunyai asal-usul berpesaka akan berkuasa menjadi pemerintah. Maka yang mempunyai saka dan syarat memerintah ialah berpesaka itu akan menerima baka. Oleh itu saka dan baka itu layaklah dari pihaknya menuntut pesaka (pangkat) pihak ibunya bagi Adat Perpatih (Teromba Sungai Ujong).

Di dalam Adat Perpatih sudah ditentukan pesaka bergilir perutnya jika mempunyai syarat memerintah. Jika tiada cukup syarat yang teradat padanya seperti saka, baka dan pesaka, maka hendaklah dikembalikan pilihan itu pada mana yang ada syarat memerintah. Bagi yang bersaka pun boleh memerintah dan hendaklah ditetapkan dan dihakimkan dan tidak perlu memikirkan giliran perut jika perkara ini telah dipersetujui oleh perut dan waris. Ini dapat dilihat di dalam

perbilangan Adat Perpatih:

Bulat suku menjadi ibu bapa

Bulat ibu bapa menjadi lembaga

Bulat lembaga menjadikan penghulu (undang)

Bulat undang menjadi raja.

Suku berlingkungan

Lingkungan berlembaga

Anak buah beribu bapa

Luak berpenghulu

Alam beraja

Organisasi Lembaga Adat Perpatih berbeza mengikut Luak masing-masing. Setiap Luak mempunyai peraturan mereka sendiri di dalam memerintah dan mentadbirkan adat itu. Contohnya, jika berlaku apa-apa masalah di dalam Luak Sungai Ujong Lembaga adat Sungai Ujong akan menyelesaikannya dengan cara dan peraturan Luak Sungai Ujong sendiri. Sungguhpun ada Luak lain misalnya Jelebu yang ingin membantu, maka mereka mesti mengikut peraturan Luak Sungai Ujong bukan mengikut peraturan Luak Jelebu (Wawancara Razali Khalid, 24.11.1991).

Di sini akan ditunjukkan struktur organisasi lembaga adat bagi empat Luak yang terdapat di Negeri Sembilan:

2.2.1 Luak Sungai Ujong

Pentadbiran Luak Sungai Ujong telah dibahagi-bahagikan kepada beberapa bahagian. Undang Sungai Ujong

merupakan ketua di dalam pentadbiran tersebut. Anggota-anggota di dalam organisasi pentadbiran itu dipanggil "Orang Besar" Sungai Ujong.

Terdapat lima kumpulan "Orang Besar" yang menerajui organisasi Lembaga adat Sungai Ujong iaitu:

1. Lembaga Tiang Balai
2. Dua Waris Ibubapa Waris Kelana
3. Lembaga Tiga Di Pantai
4. Berjenis-jenis Dato
5. Datuk-datuk Yang Berjawatan Di Balai Datuk Kelana dan Datuk Bandar

Lembaga Tiang Balai

Empat orang datuk menganggotai kumpulan ini iaitu:

1. Datuk Maharaja Di raja
2. Datuk Andalika Mendalika
3. Datuk Akhir Zaman
4. Datuk Amar

Datuk Andalika Mendalika memerintah di Mukim Pantai dan merupakan waris di darat. Manakala Datuk Akhir Zaman memerintah di Rantau dan merupakan waris di air. Datuk Amar yang memerintah Kelawang dahulu telah menjadi Datuk di dalam Luak Jelebu. Ini kerana Mukim Kelawang telah terkeluar dari Luak Sungai Ujong.

Dua Waris Ibubapa Waris Kelana

Mereka terdiri daripada Waris Hilir dan Waris Hulu iaitu Datuk Maharaja Lela Waris Hilir dan Datuk Johan Waris Hulu. kedua-dua Datuk ini berkuasa memilih sesiapa yang patut menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong.

Lembaga Tiga Di Pantai

Terdiri dari tiga orang datuk yang menjadi ketua-ketua suku di Pantai. Gelaran bagi Datuk-datuk tersebut ialah:

1. Datuk Menteri (Suku Semelenggang)
2. Datuk Raja Di Muda (Suku Biduanda)
3. Datuk Maharaja Indera (Suku Batu Hampar)

Dato-dato Yang Lain

Terdapat lima lagi datuk-datuk yang lain yang menjalankan tugas-tugas sebagai pembantu.

1. **Datuk Dagang Paroi**
Merupakan ketua di dalam istiadat menyambut dan memuliakan orang-orang besar yang datang ke Paroi.
2. **Penghulu Muda Di Labu**
Merupakan gelaran bagi cucu Datuk Mangkun yang membuka Labu. Gelaran ini telah diberi oleh Datuk Kelana Kawal.

3. Datuk Andatar

Merupakan ketua bagi kampung Mantin. Datuk yang memegang gelaran ini dipilih dari keturunan orang yang mula-mula membuka tempat itu dahulu.

4. Datuk Lela Perkasa

Merupakan ketua bagi mukim Lenggeng. Datuk yang memegang pangkat ini dipilih daripada waris seorang ketua orang asli di situ.

5. Datuk Muda Linggi

Linggi diterokai oleh pendatang dari Pulau Riau. Pada mulanya mereka tinggal di Rembau, tetapi mereka tidak mahu mengikut adat perpatih, lalu pergi ke Sungai Ujong.

Di Linggi mereka hidup mengikut adat mereka sendiri tetapi masih mengaku kedudukan mereka di bawah Rembau dan Sungai Ujong. Mereka juga disebut sebagai "Beribu ke Rembau dan berbapa ke Sungai Ujong". Ketuanya bernama Datuk Awaluddin.

Datuk-datuk Yang Berjawatan Di Balai Datuk Kelana

Dan Datuk Bandar

Hanya dua orang Datuk sahaja yang berjawatan, iaitu seorang di Balai Datuk Kelana dan seorang di Balai Datuk

Bandar. Gelaran bagi Datuk di Balai Datuk Kelana ialah Datuk Laksamana di Laut, yang ditugaskan sebagai Perdana Menteri kepada Datuk Kelana. Manakala Datuk Panglima Besar merupakan Datuk dalam Balai Datuk Bandar, beliau ditugaskan sebagai Perdana Menteri kepada Datuk Bandar (Ab Samad Idris, 1968 : 61-65).

2.2.2 Luak Jelebu

Pentadbiran Lembaga Luak Jelebu dibahagikan kepada lapan orang besar. Mereka dikenali sebagai Datuk Lembaga yang berkuasa memecat dan menjadikan Undang. Datuk Lembaga ini terdiri daripada:

1. Datuk Menteri
2. Datuk Ombi
3. Datuk Raja Balang
4. Datuk Maharaja Inda
5. Datuk Paduka
6. Datuk Chincang
7. Datuk Senara
8. Datuk Mengiang

Datuk Menteri

Beliau boleh menjadi Pemangku Undang dalam masa kekosongan iaitu tarikh mangkatnya Undang hingga tarikh perlantikan Undang yang baru. Di dalam perlantikan Undang beliau sahaja yang boleh membawa kata-kata dari Lembaga Tiga kepada Undang. Tetapi

beliau tidak boleh menemui Undang bersendirian melainkan melalui titian adat kepada Undang.

Datuk Ombi

Beliau ditugaskan untuk mencari benih atau bakal Undang. Jika terdapat ramai calon yang bakal menjadi Undang, maka Datuk Menteri akan menelitinya dari segi adat dan kelayakkannya (Salmiah Ismail, 1983 : 9).

Tiga Datuk Mewakili Suku

Di dalam Lembaga yang lapan terdapat tiga orang Datuk yang mewakili suku masing-masing. Mereka terdiri daripada:

1. Datuk Cincang
(Suku Tanah Datar)
2. Datuk Senara
(Suku Batu Belang)
3. Datuk Mengiang
(Suku Mungkal)

Titian Adat

Merupakan Ketua Waris Undang pada masa seorang Undang memerintah. Beliaulah yang menyampaikan kata-kata Menteri kepada Undang. Perkara berbangkit boleh diputuskan dalam mesyuarat waris. Titian adat dan keputusan waris dapat menentukan perjalanan polisi sama ada untuk menyebelahi Undang atau mencegah daripada melancarkan polisi itu. Malah kuasa Undang diawasi dan diperkukuhkan oleh beliau.

Tiga orang Datuk di dalam waris akan bergilir-gilir menjadi titian adat. Jika waris Ulu Jelebu menjadi Undang, Datuk Raja Balang titian adat, bila waris Kemin menjadi Undang Datuk Maharaja Inda titian adat dan bila waris Sarin menjadi Undang, Datuk Paduka titian adat (Ab. Samad Idris, 1968 : 103-105).

Di dalam Luak Jelebu ini Datuk-datuk Lembaga terdiri dari beberapa peringkat dan kumpulan. Setiap gelaran ada bidang tugas masing-masing. Selain daripada lapan orang yang dipanggil Datuk Yang Lapan atau Orang Delapan terdapat tiga kumpulan lagi yang dipanggil Orang Besar di dalam Lembaga iaitu:

1. Dua Orang Besar yang bernaung di bawah Undang Luak Jelebu.
2. Dua Orang Besar yang bernaung di bawah di bawah "Pohon Adat" Jelebu
3. Lapan Orang "Datuk Kurnia"

Datuk Kurnia ialah mereka yang mengetahui anak-anak buah yang berasal dari luar Jelebu seperti dari Minangkabau, Jawa, Jambi, Kuala Pilah, Rembau, Melaka, Pahang, Mengkiah Tujuh, Mandahiling dan lain-lain (Salmiah Ismail, 1983 : 9).

Begitulah undang-undang dasar atau perlembagaan dan siasah Jelebu yang penuh dengan adat istiadat. Perlembagaan ini masih dipakai hingga ke hari ini,

terutama di dalam mencari waris Undang.

2.2.3 Luak Rembau

Pentadbiran Lembaga adat Luak Rembau juga dibahagikan kepada beberapa peringkat. Setiap jawatan mempunyai tugasnya masing-masing. Organisasi Lembaga adatnya terdiri daripada:

1. Lembaga Tiang Balai
2. Orang-orang Besar
3. Lembaga Waris

Lembaga Tiang Balai

Lembaga Tiang Balai terbahagi kepada dua iaitu disebelah Baroh dan di sebelah Darat. Masing-masing terdiri daripada empat orang Datuk.

Empat orang Lembaga Tiang balai di sebelah Baroh ialah:

1. Datuk Gempa Maharaja
2. Datuk Merbangsa
3. Datuk Bangsa Balang
4. Datuk Samsura Pahlawan

Empat orang Lembaga Tiang Balai di sebelah Darat ialah:

1. Datuk Seri Maharaja
2. Datuk Sinda Maharaja
3. Datuk Andika

4. Datuk Mandulika

Di samping Lembaga Tiang Balai terdapat empat Orang-orang Besar Luak Rembau yang diketuai oleh Datuk Perba. Empat Orang-orang Luak Rembau ialah:

1. Datuk Shahbandar
2. Datuk Mangkubumi
3. Datuk Menteri Lela Perkasa
4. Datuk Raja Di Raja

Organisasi Lembaga Adat Luak Rembau juga diwakili oleh Lembaga Waris. Lembaga Waris ini terbahagi kepada dua iaitu:

1. Cerak Lela Maharaja
(Biduanda Jakun)
2. Cerak Sedia Raja
(Biduanda Jawa)

(Ab. Samad Idris, 1968 : 176)

2.2.4 Luak Johol

Organisasi Lembaga Adat Luak Johol juga dibahagi-bahagikan, terutama pembahagian ini adalah mengikut suku masing-masing. Datuk-datuk Lembaganya terdiri daripada empat, iaitu suku asal Luak tersebut.

1. Datuk Raja Balang
(Suku Raja Balang)
2. Datuk Andika
(Suku Seri Melenggang)

3. Datuk Raja Senara
 (Suku Mungkal)
4. Datuk Baginda Raja
 (Suku Tiang Batu)

Orang-orang Besar dalam Balai pula terbahagi kepada lima orang. Mereka juga merupakan ketua di dalam suku masing-masing. Orang-orang Besar tersebut ialah:

1. Datuk Jenang
 (Suku Biduanda)
2. Datuk Gempa
 (Suku Gempa)
3. Datuk Menteri
 (Suku Menteri)
4. Datuk Panglima Hitam
 (Suku Raja Balang)
5. Datuk Panglima Puteh
 (Suku Seri Melenggang)

(Ab. Samad Idris, 1968 : 147)

Organisasi Lembaga Adat Luak Johol juga terdiri dari Buapak Yang Enam. Mereka terdiri daripada:

1. Datuk Paduka Bangsa
 (Suku Kebangsa)
2. Datuk Nenggarang
 (Suku Nenggarang)
3. Datuk Saibu Garang
 (Suku Saibu)
4. Datuk Sarumpun
 (Suku Sarumpun)
5. Datuk Baginda Melano
 (Suku Baginda Melano)

6. Datuk Paduka Raja Lela
(Suku Jelelo)

Organisasi Lembaga Adat Johol juga diwakili oleh Lembaga Waris. Terdapat dua perut Biduanda yang menerima waris Undang ini secara bergilir-gilir. Dua perut Waris Biduanda itu ialah:

1. Waris Biduanda Perut Johol
2. Waris Biduanda Perut Gemenchek

2.3 PEMILIHAN PEMIMPIN/UNDANG

Pemerintahan Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi. Pemerintahan pertama sekali terletak dalam tangan mamak atau saudara lelaki yang tertua dari ibu. Kemudian ketua perut (Buapak), diikuti oleh ketua suku (Lembaga) dan ketua luak iaitu Undang. Manakala bagi ketua negeri pula ialah Yang Di Pertuan Besar.

Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, Lembaga dipilih dan dilantik oleh Buapak, Undang dipilih dan dilantik oleh Lembaga dan Yamtuan dipilih dan dilantik oleh Undang dari keluarga diraja (Abdullah Sidik, 1975 : 10).

Dasar demokrasi Adat Perpatih ini dijelaskan lagi seperti berikut:

Raja menobat di dalam Alam

Penghulu (Undang) menobat di dalam Luak

Lembaga menobat di dalam Lingkungannya

Ibu bapa menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat di dalam terataknya.

Melalui peraturan pemerintahan ini, dapat dikatakan bahawa setiap perkara yang hendak dilakukan berkenaan dengan adat atau pemilihan pemimpin mestilah dirundingkan atau dimuafakatkan bersama dengan ketua tiap-tiap suku dan kebulatan katalah yang akan memberi kata muktamad.

Disamping itu kekuasaan dan pemerintahan Adat Perpatih adalah didatangkan dari bawah melalui musyawarah dan muafakat seperti kata perbilangan:

Bulat air dek pemetong

Bulat kata dek muafakat

Bulat anak buah menjadi Buapak

Bulat Buapak menjadi Lembaga

Bulat Lembaga menjadi Undang

Bulat Undang menjadi Raja

Dengan kata lain Buapak, Lembaga, Undang dan raja merupakan wakil-wakil yang diberi kuasa dan dilantik oleh rakyat. Wakil-wakil yang sudah dilantik itu pula boleh dipecat, jika sedemikian yang dikehendaki oleh rakyat, atas dasar-dasar yang sah menurut Adat Perpatih.

Selanjutnya, pemerintahan yang dijalankan dalam tiap-tiap Luak adalah berdasarkan keadilan yang telah ditetapkan oleh Adat. Ini bermakna setiap tindakan dan pekerjaan ada adatnya (peraturan dan undang-undangnya) seperti kata

perbilangn:

Adat sepanjang jalan

Cupak sepanjang betong

Adat diisi, Lembaga dituang

Peraturan ini hanya boleh dilaksanakan jika diakui dan disahkan oleh semua pihak, dan peraturan ini tidak lagi berkuatkuasa jika semua pihak tidak bersetuju lagi (Shamsul Amri, 1974 : 4). Ini seperti kata perbilangn:

Habis Adat kerana kerelaan

Hilang Adat teguh dek muafakat

Permuafakatan di dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih ini membuktikan bahawa Adat ini merupakan adat yang bercorak demokrasi. Malah R.J. Wilkinson juga menyokong bahawa Adat Perpatih ini adalah Adat yang demokratik seperti,

"The Adat Perpatih is democratic, it addresses itself to the commons and finds expression in quaint saying that seem to belong to the homely province of proverbial philosophy"

(R.J. Wilkinson, 1908 : 7)

Pemilihan pemimpin terutamanya undang mestilah dicalunkan dari satu suku waris iaitu suku asal yang disebut suku Biduanda. Suku waris ini terbahagi kepada beberapa perut. Setiap perut mempunyai gilirannya bagi mencalunkan Undang.

Di Sungai Ujong pemilihan Undang adalah di antara waris Hulu dan waris Hilir. Sungai Ujong berbeza dengan Luak-luak yang lain, kerana Undang Sungai Ujong tidak dipilih oleh ketua-ketua suku sebaliknya oleh wakil-wakil dari dua perut sukunya.

Jika wakil-wakil ini tidak mendapat kata putus, Undang akan dipilih oleh Lembaga Tiang Balai (Nordin Selat, 1982 : 64).

Di Jelebu, pemilihan Undang adalah di antara tiga waris Berundang iaitu:

1. Waris Ulu Jelebu
2. Waris Kemin
3. Waris Serin

Ketiga-tiga waris ini menerima jawatan Undang secara bergilir-gilir. Lembaga Waris Berundang yang menerima giliran mereka akan memberikan nama beberapa orang calon dan menyerahkannya kepada Datuk Ombi. Adalah menjadi kuasa Datuk Ombi pula memilihnya serta menilainya dari segi hak dan pesaka.

Apabila sudah ada pilihan dari Datuk Ombi, calon itu pula akan diserahkan namanya kepada Datuk Menteri. Datuk Menteri akan menilai dari segi adat pula.

Kemudian Datuk Menteri akan mengemukakan nama calon itu kepada Datuk-datuk Lembaga yang lapan dan di sinilah kata

muktamad akan didapati (Ab. Samad Idris, 1968 : 105).

Di Rembau Undang dipilih daripada dua perut suku Biduanda iaitu Biduanda Jakun dalam Cerak Lela Maharaja dan Biduanda Jawa dalam Cerak Sedia Raja.

Apabila tiba giliran Biduanda Jakun, yang mencalunkan Undang ialah Datuk Gempa Maharaja, manakala giliran Biduanda Jawa pula yang mencalunkan ialah Datuk Merbangsa (Nordin Selat, 1982 : 65).

Setelah ditentukan giliran Ceraknya, nama-nama calun dari Cerak tersebut akan ditentukan. Nama-nama ini akan ditapis oleh Lembaganya Datuk Perba bersama dengan Orang Besar Undang Yang Berempat iaitu Datuk Shahbandar, Datuk Mangkubumi, Datuk Menteri Lela Perkasa dan Datuk Raja Di Raja, untuk dipersembahkan kepada Datuk Lembaga Tiang Balai yang berlapan bagi menentukan calun.

Bagi menentukan calun bakal Undang itu, Datuk-datuk Tiang Balai hendaklah patuh kepada kata Empat Datuk-datuk Tiang Balai dari sebelah Baroh di mana Empat Datuk-datuk Tiang Balai kuasa untuk menjadikan Undang. Manakala empat orang Datuk-datuk Tiang Balai dari sebelah Darat pula berkuasa untuk mengakui iaitu mereka hanya memperkenankan sahaja calun yang telah dipilih oleh Datuk-datuk Tiang Balai di sebelah Baroh (Ab. Samad Idris, 1968 : 177).

Berkenaan dengan Datuk-datuk yang lain seperti Orang-orang Besar Undang Yang Berempat tidaklah bersuara langsung

dalam pemilihan ini. Walaupun ada di antara mereka yang tidak berkenan pemilihan itu tidak tergendala, calon yang telah ditetapkan pasti menjadi Undang.

Di Johol Undang dipilih di antara dua perut waris. Di antara kedua-dua perut ini juga bergilir-gilir menerima jawatan Undang tersebut. Kedua-dua perut ini ialah:

1. Waris Biduanda Perut Johol
2. Waris Biduanda Perut Gemencheh

Di Johol apabila satu perut memegang jawatan Undang, perut yang satu lagi memegang jawatan Baginda Tan Mas. Bila Undang mangkat, Baginda Tan Mas menggantikannya. Jawatan Baginda Tan Mas dipilih pula dari perut Undang yang mangkat tadi. Pemilihan sebenarnya bukanlah Undang tetapi Baginda Tan Mas yang bakal menjadi Undang.

Biasanya Baginda Tan Mas dipilih oleh Tok Jenang ketua suku Biduanda dan enam orang Buapak-buapak suku. Ketua-ketua suku yang lain tidak masuk campur di dalam pemilihan tersebut (Nordin Selat, 1982 : 65).

Setelah sebulat suara ahli-ahli lembaga dan pihak waris di dalam pemilihan Undang, maka Undang pun ditabalkan atau lebih dikenali sebagai kerjan. Upacara kerjan juga adalah mengikut peraturan setiap luak.

Kedudukan Undang Yang Empat ini sama pentingnya selaras dengan kedaulatan takhta kerajaan itu sendiri, malah

tahkta kerajaan Negeri Sembilan sebenarnya didukung bersama oleh Undang Yang Empat. Setiap Undang ini juga mempunyai gelaran mereka masing-masing:

1. Datuk Kelana Putra
Undang Luak Sungai Ujong
2. Datuk Mendelika Menteri Akhir Zaman
Undang Luak Jelebu
3. Datuk Johan Pahlawan Lela Sitiawan
Undang Luak Johol
4. Datuk Sedia Raja
Undang Luak Rembau

(Ab. Samad Idris, 1987 : 185)

2.4 TUGAS-TUGAS PEMIMPIN

Pemimpin dalam Adat Perpatih pada dasarnya adalah terdiri dari Ketua-ketua Adat seperti Buapak, Lembaga, Undang dan Yang Di Pertuan Besar. Walaupun begitu pada keseluruhannya pemimpin yang dimaksudkan juga termasuklah semua kaum lelaki, kerana kaum lelaki itu dianggap sebagai "pagar" dalam masyarakatnya (Nordin Selat, 1974 : 2).

Pemimpin lazimnya mempunyai tugas-tugas yang telah ditetapkan dan tugas-tugas ini tertakluk kepada pengikut dan pemimpinnya. Kalau Buapak ditugaskan memimpin perutnya, kalau Lembaga memimpin sukunya, kalau Undang mengawal Luaknya, kalau Yang Di Pertuan Besar ditugaskan memimpin negerinya.

Di samping itu tugas-tugas pemimpin itu dapat dibahagikan kepada dua, iaitu tugas ke dalam dan tugas keluar. Tugas ke dalam bermaksud seorang pemimpin itu mestilah bertanggungjawab pada segala hal ehwal kelompok yang dipimpinnya seperti mengawasi harta pusaka, menjaga tata tertib anak buah, menyelesaikan masalah-masalah anak buah, tegasnya memelihara dan menasihati anak buah. Dalam hal ini tujuan mereka menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat jahat. Tugas keluar pula ialah mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok-kelompok lain. Kalau Buapak mewakili perutnya, kalau Lembaga mewakili sukunya, kalau Undang mewakili luaknya, kalau Yang Di Pertuan Besar mewakili Negerinya. Di bahu merekalah terbebannya kewajiban untuk mengemukakan, mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompok mereka (Nordin Selat, 1974 : 3).

Perlaksanaan pimpinan dalam Adat Perpatih berlandaskan dua konsep iaitu muafakat dan budi. Sesuatu keputusan mestilah dicapai dengan kata muafakat. Semua yang terlibat berhak malah harus memberi pendapatnya. Mereka berbahas dan berdebat bukan untuk menunjukkan keegoan masing-masing tetapi adalah untuk mencari kesempurnaan dan kebaikan bagi masyarakatnya.

Dalam mencari keputusan atau kata putus mesti ada tolak ansur antara satu sama lain. Oleh itu menang tidak harus merasa bangga dan bongkak manakala yang kalah tidak harus merasa kecil hati dan terhina seperti kata perbilangannya:

*Penghulu beraja kemuafakat
Muafakat beraja kepada yang benar
Benar berdiri dengan sendirinya
Nan dinamakan alur dan patut*

Manakala konsep budi pula merupakan teras falsafah Adat Perpatih, iaitu

*Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicicah*

inilah yang dikatakan budi. Selagi hidup selagi itu perlu berbudi kerana amalan ini penting bagi masyarakat Adat Perpatih.

2.5 SIFAT-SIFAT PEMIMPIN

Pemilihan pemimpin dalam Adat Perpatih lazimnya bergantung kepada sifat-sifat pemimpin tersebut. Pemimpin yang unggul ialah pemimpin yang mempunyai beberapa sifat yang telah ditetapkan iaitu:

1. Kedudukan ekonomi yang baik
2. Badan yang sihat
3. Budi
4. Akal

2.5.1 Ekonomi

Seorang pemimpin itu harus baik kedudukan ekonominya. Konsep yang digunakan ialah kecukupan. Apa yang dimaksudkan dengan "cukup" ialah mengikut cara hidup seorang pemimpin. Ini adalah untuk menjaga kesesuaian statusnya bagi mengadakan jamuan kenduri dan meraikan tetamu-tetamunya.

Seorang pemimpin yang buruk kedudukan ekonominya mungkin akan mewujudkan watak yang lemah dan rasuah dalam pentadbirannya. Dalam adat kedudukan ekonomi itu amat penting. Kata adat:

Majlis di tepi air

Merdesa di perut kenyang

Maksudnya, seseorang itu memerlukan air untuk membersihkan tubuh badan, seseorang itu juga juga memerlukan wang untuk bebas berdiri dengan sendiri (Nordin selat, 1974 : 4).

2.5.2 Kesihatan Badan

Seorang pemimpin perlu sihat kerana kewajipan-kewajipan yang mesti dijalankan memerlukan tenaga. Di samping itu seorang pemimpin perlu mengendalikan upacara-upacara Adat yang berbagai ragam dan seorang pemimpin juga harus menemui orang-orang yang di bawah pimpinannya, mengawasi mereka dan menyelidiki masalah-masalah mereka. Malah untuk berfikir dengan baik juga seorang itu memerlukan badan yang sihat.

Di samping itu seorang pemimpin juga perlu mempunyai sifat tabligh. Tabligh yang bermaksud menyampaikan ajaran-ajaran adat. Oleh itu dia harus tahu tentang selok-belok adat dan interpretasinya supaya ia dapat menjelaskan kepada anak-anak buahnya. Adalah menjadi tanggungjawab seorang pemimpin untuk menjaga supaya anggota dalam "pagar" atau "payung" nya tidak melanggar adat akibat salah faham atau kejahilan adat itu.

2.5.4 Akal

Jika dilihat pada adat, ekonomi dan budi itu amat penting tetapi dari segi prioriti yang paling penting ialah akal. Ini seperti kata perbilangan:

Tiada emas boleh dicari

Tiada akal telan bumi

Emas disini bermaksud ekonomi. Walaupun ekonomi itu penting seorang yang tidak mempunyai kedudukan ekonomi yang baik tidak harus berputus asa. Ia boleh dicari asalkan rajin dan berusaha tetapi seorang yang tidak berakal akan ditelan oleh bumi dan akan musnah.

Pemimpin yang dihormati ialah pemimpin yang berakal bijaksana, iaitu seperti kata perbilangan:

Lubuk akal

Lautan budi

Maksudnya, mempunyai akal yang terlalu bijak tidak mungkin

kering jika ditimba. Dengan akal yang demikian sahajalah baru dapat memimpin dengan sempurna.

Rumusannya, pemimpin itu mestilah mempunyai gambaran. sifat-sifat yang ada dalam adat dikatakan "tali berpilin tiga" atau "tungku tiga sejerang". Sifat-sifat ini ialah agama, adat dan kebijaksanaan. Oleh itu sebaik-baiknya seorang pemimpin itu mestilah pandai dalam hal agama, pandai dalam hal adat dan mempunyai kesanggupan yang bijaksana dalam menjalankan tugasnya (Nordin Selat, 1974 : 8).

2.6 JENIS-JENIS PEMIMPIN

Pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih merupakan ketua yang telah dipilih dan dilantik oleh anak-anak buah mereka dengan dasar muafakat bersama. Setiap individu yang telah ditugaskan memimpin sesuatu perkara, dia perlulah bertanggungjawab melaksanakan tugas tersebut sedaya upayanya, ini adalah untuk membalas segala kepercayaan anak-anak buah kepadanya. Oleh itu dalam adat, pemimpin telah dibahagikan kepada empat jenis berdasarkan sifat-sifat yang diingini dan yang tidak diingini, iaitu:

1. Penghulu Nenek Mamak

Pemimpin jenis ini merupakan pemimpin yang menjadi idaman setiap anggota anak buah. Pemimpin nenek mamak mempunyai sifat-sifat unggul seorang pemimpin. Dia merupakan "pagar" dan "payung"

masyarakatnya, pohon rendang tempat anak-anak buahnya bernaung dan mendapat pertolongan. Pemimpin demikianlah yang dimaksudkan oleh kata perbilangan adat seperti:

Elok nagari kerana Penghulu

Rancak tapian dek nan muda

Kalau akan memegang hulu

Pandai memelihara puntiang jo mato

2. Penghulu Ayam Gadang

Pemimpin begini sifatnya tidak ubah seperti ayam jantan jaguh di reban, sombong bongkak menunjukkan kebesarannya kesana kemari dan riuh berkokok tentang kelebihan dan kejayaannya. Dia lupa bahawa dia besar kerana dia telah dipilih oleh anak-anak buah untuk memimpin mereka. Sebelum dia menjadi pemimpin dia dapat menutup kekurangan kebijaksanaan ini dengan lagak yakin dan cakap berdegar-degar tetapi setelah ia diuji dalam jawatan pemimpin, kekurangan ini lambat laun terdedah juga. Dia kerap sahaja membuat keputusan yang salah. Dia juga tidak mahu mendengar nasihat dan tidak tunduk kepada muafakat. Pemimpin jenis ini dikatakan oleh perbilangan sebagai:

Bodoh sombong

Bodoh tak boleh diajar

3. Penghulu Tagak-tagak

Tagak-tagak atau burung tukang hanya berbunyi sekali-sekali dengan menghantukkan paruhnya ke batang kayu, bukan dengan suaranya sendiri. Perbandingan ini digunakan bagi menggambarkan peribadi jenis pemimpin yang hanya berbunyi sekali dua dalam masyarakat atau perundingan mencari muafakat, dan itupun bukan untuk melahirkan fikiran sendiri. Dia hanya menyokong atau mengulangi pendapat orang lain. Pemimpin jenis ini juga dibandingkan dengan ketuk-ketuk di surau, bila diketuk barulah dia berbunyi, ertinya bila terpaksa dan disogokkan dengan pendapat orang lain barulah dia mengeluarkan pendapatnya. Ini adalah disebabkan dia kurang kecergasan dan kurang ilmu pengetahuan (Nordin Selat, 1974 : 7).

4. Penghulu Pinak Sirawa

Pemimpin jenis pihak sirawa "seluar dalam" ini merupakan bahaya yang tersembunyi kepada masyarakat. Seperti "seluar dalam" kejahatannya tidak nampak kerana dia pandai menyembunyikannya. Pemimpin jenis ini bukan kurang akalanya tetapi yang kurang ialah budinya. Dia menggunakan kecerdasan otaknya untuk menipu dan memperalatkan anak buah sendiri. Dia adalah "pagar" yang memakan padi. Untuk mengejar keuntungan sendiri, dia sanggup memecahbelahkan masyarakat. "Lidahnya bercabang" dan pemimpin jenis

ini betul-betul merupakan "talam dua muka". Jika berlaku sesuatu masalah dia mempergunakan kesusahan anak buah untuk merebut keuntungan sendiri seperti:

Menangguk di air keruh

Memasang jerat ditempat genting

Di antara keempat-empat jenis pemimpin ini hanya jenis pertama iaitu Penghulu Nenek Mamak sahaja yang mungkin berkekalan dalam masyarakat adat. Yang lain mungkin dapat mengabui mata anak buah bagi sementara tetapi lambat laun mata berpandangan budi kedapatan dan dia akan disanggah juga.

GLOSARI

Abih	-	Habis
Bakarelahan	-	Berkerelaan
Baagieh	-	diberi
Bacarai	-	Bercerai
Barek	-	Berat
Bagantung	-	Bergantung
Balindung	-	Berlindung
Basanda	-	Bersenda
Baselo	-	Bersela
Indak	-	Tidak
Koto	-	Sekumpulan rumah tempat tinggal bersama yang mempunyai peraturan kesetiaan daerah itu
Korong	-	Kampung
Kamangulang	-	Berulang
Memagang	-	Memegang
Nagari	-	Negeri
Pasa	-	Pasar
Sajinjiang	-	Sejinjing
Sapariuk	-	Seperut
Sapikua	-	Sepikul
Sapuah	-	Sepuh
Sumando	-	Suami dari kakak/adik
Taratak	-	Desa yang jauh terpencil
Urek	-	Akar

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman bin Hj Mohd. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. K. Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1987. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. K.L.: Utusan Printcorp SDN. BHD.
- _____. 1968. Negeri Sembilan Sejarahnya. K.L.: Utusan Melayu Berhad.
- Abdullah Sidik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. K.L.: Universiti Malaya.
- Amir M.S, 1987. Tonggak Tuo Budayo Minang. Jakarta: Penerbitan Karya Indah.
- Batuah, A.M. Datuk Maruhun dan Tanameh. 1954. Hukum Adat Dan Adat Minangkabau. Djakarta: Poesaka Asli.
- H. Idrus Hakimy Dt Raja Penghulu. 1986. 1000 Pepatah-Pepatih, Manang-Bidal, Gurindam. Bandung: Penerbitan Remadya.
- Kato, Tsuyoshi. 1982 asal. 1984. Nasab Ibu Dan Merantau Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia. (Terjemahan Azizah Kassim). Cetakan Semula 1989. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Dahlan Mansor. 1970. Sejarah Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bharata.
- M. Nasron. 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang.
- Mokhtar Md Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. K. Lumpur: Federal Publications SDN. BHD.
- Mochtar Naim. 1979. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Marsden, W. 1966. The History of Sumatera. J.M. Greeny London. Cetakan Semuala 1966. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- M. Rasjid Manggis Dt Radjo Panghoeloe. 1982. Sejarah Ringkas Minangkabau Dan Adatnya. Jakatra: Penerbitan Mutiara.
- _____. 1971. Minangkabau. Padang: Penerbitan Sridharama.
- Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. K.L.: Utusan Publications and Distributors SDN. BHD.
- _____. 1978. Renungan. K. Lumpur: Utusan Publication & Distributors SDN. BHD.
- Shahba. 1951. Pusaka Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- _____. 1956. Pahlawan Dol Said Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- Wilkinson R.S. 1911. Notes on Negeri Sembilan. Terbit Semula. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zakiah Hanum. 1988. Asal Usul Nama Negeri-Negeri Di Malavsia. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teromba Sungai Ujong, Tiada Tarikh.
- SEMINAR**
- Khoo Kay Kim. 1974. "Sistem Politik Negeri Sembilan." Seminar Persejarahahan dan Adat Perpatih.
- Md. Sharif Fakeh Hasan. 1974. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih. Seremban: Seminar Persejarahahan dan Adat Perpatih.

Nordin Selat. 1974. *Pemimpin Dalam Adat Perpatih*. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

Norhalim Hj Ismail. 1989. *The Negeri Sembilan Adat Through Time With Special Reference To Rembau*.
University of Kyoto, Jepun: Kertas Kerja Malay Seminar.

Shamsul Amri. 1974. *Politik Adat Perpatih*. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

JOURNAL

Gullick S.M. 1949. "Sungai Ujong." Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic, Vol. XXII, Pt. 11.

Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History Polity and Belief of The Nine States." JMBRAS, 12(3).

_____. 1954. A Digest of Customary Law From Sungai Ujong. JMBRAS, Vol. XXVII, Pt. 3.

MAJALAH

Salamiah Ismail. 1983. "Kuasa Undang Bak Durian Beruang-ruang, Bak Sawah Berlopak-lopak." Dewan Budaya. Mac 1983.

AKHBAR

Bustamam Ahmad. "Sejarah Pesaka dan Warisan." Berita Harian. 12hb. Feb. 1987. Hal. 14.

_____. "Kumpulan Perut Kesal Tindakan Perut Hilir." Berita Harian. 13hb. Dis. 1986. Hal. 12-13.

_____. "Keputusan Dewan Keadilan Mungkin Tidak Berganjak." Berita Harian. 11hb. Mac 1988. Hal. 11.

_____. "Tujuan Halang Percubaan Perlantikan." Berita Harian. 17hb. Sept. 1987. Hal. 13.

KAMUS

Marah Rusmali dan Rakan-rakan. 1985. Kamus Minangkabau-Indonesia. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Department Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta.

TEMUBUAL

Nama : Encik Razali Khalid
 Umur : 58 tahun
 Pekerjaan : Pesara Ahli Bomba
 Jawatan Dalam :
 Adat : Datuk Johan
 Alamat : Kampung Pelegong, Batu 8, Jalan Labu,
 Seremban, Negeri Sembilan.
 Tarikh Temubual: 24hb. Nov. 1991.

Nama : Tuan Hj. Muhamad Tainu
 Umur : 56 tahun
 Pekerjaan : Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Negeri Sembilan
 Alamat : Pejabat Pengarah Penyelidikan Budaya,
 Seremban, Negeri Sembilan
 Tarikh Temubual: 20hb. Feb. 1992.